



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56
No. 18

28hb Ogos 2003

*TAMBAHAN No.11
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 32.

ENAKMEN PENTADBIRAN PERUNDANGAN ISLAM 1989

FATWA TENTANG HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI
OLEH PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM
DAN NON MUSLIM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 [*En. 2/1989*], Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT 1989

FATWA ON HUKUM ZAKAT KE ATAS SYARIKAT YANG DIMILIKI OLEH
PELBAGAI JENIS PEMEGANG SAHAM YANG BERCAMPUR MUSLIM
DAN NON MUSLIM

In exercise of the powers conferred by subsection 31(1) and section 32 of the Administration of Islamic Law Enactment 1989 [*En. 2/1989*], the Mufti for the State of Selangor, after discussions with the Islamic Legal Consultative Committee, makes the *fatwa* as specified in the Schedule.

JADUAL/SCHEDULE

- (1) Diwajibkan zakat bahagian muslim sahaja bagi syarikat yang bercampur antara pemegang saham muslim dan non muslim.

- (2) Ini adalah berdasarkan hujjah seperti berikut: Para ulama' dari kalangan Sahabat, Tabiin dan Fuqaha' telah bersepakat bahawa pemilik syarikat-syarikat perniagaan adalah wajib mengeluarkan zakat apabila mencukupi syarat-syaratnya. Pendapat tersebut berdasarkan ayat al-Quran surah Al-Baqarah ayat 267 iaitu;

(a) Firman Allah S.W.T

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا
لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu membelanjakan harta kamu yang baik-baik iaitu hasil daripada apa yang kamu telah usahakan dan dari harta-harta yang Kami keluarkan untuk kamu dari bumi.....”

(Al-Baqarah: ayat 267)

(b) Sabda Rasulullah S.A.W:

وَلَا يَجْمَعُ بَيْنَ مَفْرُوقٍ وَلَا يَفْرِقُ بَيْنَ مَجْمُوعٍ خَشْيَةَ الصَّدَقَةِ
(رواه ابن ماجه)

Maksudnya:

“Tidak dihimpun di antara yang berpisah dan tidak dipisahkan di antara yang berhimpun kerana takut mengeluarkan zakat”

(Riwayat Ibnu Majah)

(c) Sabda Rasulullah S.A.W lagi,

عَنْ سَمْرَةَ قَالَتْ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِي يُعَدُّ لِلْبَيْعِ
(رواه ابو داود)

Maksudnya:

“Daripada Samrah katanya: “Adalah Rasulullah S.A.W menyuruh kami mengeluarkan zakat daripada barang-barang yang disediakan untuk jual beli.”

(Riwayat Abu Daud)

- (d) Ijma' sahabat iaitu yang diriwayatkan oleh Abu Ubai dengan sanad daripada Abd. Al-Qari katanya, “ketika aku menjaga Baitulmal di zaman Umar Al-Khattab apabila beliau hendak harta-harta perniagaan tersebut kemudian diambil zakat daripada harta-harta tersebut”.

- (e) Para ulama' Islam bersepakat mengatakan bahawa zakat hanya wajib ke atas individu Muslim yang baligh, berakal dan merdeka yang cukup haul dan nisab. Ini bererti zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam berdasarkan hadis riwayat Ibn Abbas, sabda Nabi S.A.W:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ لَهُ: إِنَّكَ تَأْتِي قَوْمًا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ فَلْيَكُنْ أَوَّلُ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ، شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِ خُمْسَ صَلَوَاتٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوكَ لِذَلِكَ فَأَخْبِرُهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَعْيَانِهِمْ فَتَرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ

Maksud:

“Bahawasanya Rasulullah S.A.W ketika mengutuskan Muaz ke Yaman, Baginda bersabda kepadanya, sesungguhnya engkau akan pergi pada satu kaum daripada ahli kitab maka hendaklah perkara pertama yang engkau seru mereka ialah mengucap bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka beritahulah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka sembahyang lima waktu sehari semalam, dan jika mereka mentaati mu mengenai perkara tersebut maka khabarkanlah kepada mereka bahawa Allah telah memfardhukan ke atas mereka zakat yang diambil daripada orang-orang kaya kalangan mereka dan diberikan kepada golongan fakir di kalangan mereka.”

Dibuat 24 Julai 2001

Made 24 July 2001

[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

DATO' HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID
Dato' Seri Utama Diraja Mufti,
Negeri Selangor